



## LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR

### DPB50163 BUSINESS PROJECT

## DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN

### TAJUK: CURRYPUFF MAKER PROMAX

<b>NAMA</b>	<b>NO PENDAFTARAN</b>
<b>MUHAMMAD NAUFAL HAKIMI BIN ROSNIZAM</b>	<b>10DLS20F1018</b>
<b>MUHAMAD ALIF NAJMI BIN ADANAN</b>	<b>10DLS20F1019</b>
<b>SITI NURAISHAH BINTI KAMARUL ZAMAN</b>	<b>10DLS20F1022</b>
<b>IRFAN DANIAL BIN ISMAIL</b>	<b>10DLS20F1048</b>

# **JABATAN PERDAGANGAN**

## **SESI 1 2022/2023**

### **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan Jabatan  
Perdagangan  
Politeknik Seberang Perai,  
Jalan Permatang Pauh,  
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

## PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “CurryPuff Maker PromaX” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

**Disemak oleh:**

Nama Penyelia : NIK NOR AZILA BINTI NIK ZAID

Tandatangan Penyelia : .....

Tarikh : .....

Nama Penyelia Bersama : SHARIPAH KHADIJAH BINTI S.HASHIM

Tandatangan Penyelia Bersama : .....

Tarikh : .....

**Disahkan Oleh:**

Nama Penyelaras : DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

Tandatangan Penyelaras : .....

Tarikh : .....

## PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *NAUFAL*

Nama : MUHAMMAD NAUFAL HAKIMI BIN ROSNIZAM

No. Pendaftaran : 1 0 D L S 2 0 F 1 0 1 8

2. Tandatangan : *ALIF*

Nama : MUHAMAD ALIF NAJMI BIN ADANAN

No. Pendaftaran : 1 0 D L S 2 0 F 1 0 1 9

3. Tandatangan : *ASHAH*

Nama : SITI NURAISHAH BINTI KAMARUL ZAMAN

No. Pendaftaran : 1 0 D L S 2 0 F 1 0 2 2

4. Tandatangan : *IRFAN*

Nama : IRFAN DANIAL BIN ISMAIL

No. Pendaftaran : 1 0 D L S 2 0 F 1 0 4 8

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK  
CURRYPUFF MAKER PROMAX**

1. Kami,  
**Siti Nuraishah Binti Kamarul Zaman ( 020913-08-1596 ),**  
**Muhammad Naufal Hakimi Bin Rosnizam ( 020819-02-0885 ),**  
**Muhamad Alif Najmi Bin Adanan ( 020329-03-0431 ) dan**  
**Irfan Danial Bin Ismail ( 021031-08-0959 )** adalah pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.
  
2. Kami mengakui bahawa projek inovasi CurryPuff Maker PromaX dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya dan reka cipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak lain.
  
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek projek inovasi ini kepada Politeknik Seberang Perai bagi memenuhi keperluan dan penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan kepada kami.

<b>Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut :</b>	
MUHAMMAD NAUFAL HAKIMI BIN ROSNIZAM No. Kad Pengenalan : 020819020885	
MUHAMAD ALIF NAJMI BIN ADANAN No. Kad Pengenalan :020329030431	
SITI NURAISHAH BINTI KAMARUL ZAMAN No. Kad Pengenalan : 020913081596	
IRFAN DANIAL BIN ISMAIL No. Kad Pengenalan :021031080959	
Di hadapan saya, ( NIK NOR AZILA BINTI NIK ZAID ) No. Kad Pengenalan :	

## **ABSTRAK**

CurryPuff Maker PromaX merupakan satu acuan yang dapat menghasilkan lebih banyak kripik untuk dipasarkan. Pengkaji menghasilkan projek ini kerana mereka mendapati Kedai Cucur Frozen Kak Su masih menggunakan acuan kripik yang hanya menghasilkan satu kripik sahaja. Tujuan penghasilan CurryPuff Maker PromaX ini adalah untuk membantu serta mempercepatkan proses penghasilan kripik dalam satu masa. Masih ramai peniaga yang masih menggunakan acuan kripik tradisional untuk menghasilkan sebiji kripik. CurryPuff Maker PromaX ini sangat bersesuaian dengan kepentingan pada masa kini, malah ianya dapat mempercepatkan proses dalam penghasilan kripik dengan lebih moden dan efisien. Antara ciri CurryPuff Maker PromaX ini ialah tapaknya diperbuat daripada kayu pine yang ringan dan tahan lasak dan ianya telah divarnish supaya kalis air dan anti kulat. Selain itu, peniaga juga tidak perlu bersusah payah dalam proses penghasilan kripik serta ianya dapat menjimatkan masa dan tenaga peniaga. Di samping itu, ianya juga dapat mempercepatkan dan memudahkan kerja dalam penghasilan kripik dengan lebih cekap dan efektif. Penghasilan CurryPuff Maker PromaX ini turut mendapat sambutan yang baik dan positif daripada Kedai Cucur Frozen Kak Su. Dengan penghasilan CurryPuff Maker PromaX ini, pengkaji berharap CurryPuff Maker PromaX ini dapat dikomersialkan dan digunakan bukan sahaja di Kedai Cucur Frozen Kak Su, malah di seluruh perniagaan makanan yang menjual kripik secara besar-besaran.

## **ABSTRACT**

CurryPuff Maker PromaX is a mold that can produce more currypuffs to market. The researchers came up with this because they found Kedai Cucur Frozen Kak Su still uses a curry paste mold that only produces one curry paste. The purpose of this CurryPuff Maker PromaX is to help and speed up the currypuff production process in one time. There are still many traders who still use the traditional curry paste mold to produce a curry paste. CurryPuff Maker PromaX is very relevant to today's needs, and it can even speed up the process of currypuff production in a more modern and efficient way. Among the features of this CurryPuff Maker PromaX is that the base is made of light and durable pine wood and it has been varnished so that it is waterproof and anti-fungal. In addition, traders also do not have to work hard in the process of making curry and it can save traders time and energy. In addition, it can also speed up and facilitate the work in the production of curry more efficiently and effectively. The CurryPuff Maker PromaX production also received a good and positive response from Kedai Cucur Frozen Kak Su. With the production of this CurryPuff Maker PromaX, the researcher hopes that this CurryPuff Maker PromaX can be commercialized and used not only in Kak Su's Frozen Bakery, but in all food businesses that sell currypuff on a large scale.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project yang bertajuk CurryPuff Maker PromaX, bagi Sesi 1 2022/2023.

Penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, Puan Sharipah Khadijah binti S.Hashim sebagai Pensyarah Kursus dan Puan Nik Nor Azila Binti Nik Zaid sebagai Penyelia bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2022/2023.



## SENARAI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKA SURAT

**PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

**PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR**

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

**ABSTRAK**

***ABSTRACT***

**PENGHARGAAN**

**SENARAI RAJAH**

**SENARAI JADUAL**

### **1.0 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	12
1.2	Latar belakang Projek Inovasi	12
1.3	Penyataan Masalah	13
1.4	Objektif Projek Inovasi	14
1.5	Persoalan Projek Inovasi	15
1.6	Justifikasi Projek Inovasi	15
1.7	Skop Projek Inovasi	18
1.8	Kepentingan Projek Inovasi	19
1.9	Takrifan Istilah	19
1.10	Rumusan Bab	20

### **2.0 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Kajian Terdahulu	21
2.3	Rumusan Bab	24

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	25
3.2	Maklumat Projek Inovasi	25
3.3	Proses Pembangunan Projek Inovasi	26
3.4	Pembaharuan dan Keunikan Projek Inovasi	29
3.5	Kaedah Kajian	30
3.6	Kesimpulan	32

### **4.0 ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI**

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Analisis Situasi	33
	4.2.1 Analisis dapatan soal selidik sebelum projek inovasi dihasilkan	34
	4.2.2 Analisis dapatan soal selidik selepas projek inovasi dihasilkan	35
	4.2.3 Analisis dapatan kajian peringkat pertama	36
	4.2.4 Analisis dapatan kajian peringkat kedua	
4.3	Analisis Kewangan	
	4.3.1 Kos penghasilan projek inovasi	39
	4.3.2 Kos penghasilan projek inovasi per unit	39
	4.3.3 Peletakan harga projek inovasi	40
	4.3.4 Justifikasi kos pelaksanaan projek	40
4.4	Impak Projek	40
4.5	Pengkomersialan (target pengguna)	42
4.6	Rumusan Bab	42

### **5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	43
5.2	Kesimpulan keseluruhan Projek	43
5.3	Cadangan Penambahbaikan	45
5.4	Limitasi Projek	46
5.5	Rumusan Bab	46

<b>RUJUKAN</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	47
Lampiran 1 – Carta Gantt	48

## SENARAI RAJAH

<b>BIL</b>	<b>NAMA RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1:	Rajah reka bentuk CurryPuff Maker PromaX	13
Rajah 1.2:	Rajah carta organisasi Kedai Cucur Frozen Kak Su	16
Rajah 1.3:	Contoh Produk Yang Dijual	17
Rajah 1.4:	Analisis SWOT	18
Rajah 3.1:	Antara Perkakasan yang digunakan untuk melaksanakan semua proses dalam pembangunan CurryPuff Maker PromaX	26
Rajah 3.2:	Cara menebuk acuan menggunakan paku yang telah dipanaskan.	26
Rajah 3.3:	Contoh acuan yang telah disusun diatas permukaan kayu secara selari.	27
Rajah 3.4:	Cara menggerudi skru pada kayu.	27
Rajah 3.5:	Contoh acuan yang telah siap diskru pada kayu.	28
Rajah 3.6:	Gambaran CurryPuff Maker ProMax.	28
Rajah 3.7:	Senarai Soalan Temubual Sebelum Penghasilan Projek	31
Rajah 3.8:	Senarai Soalan Soalselidik Selepas Penghasilan Projek	31
Rajah 4.2.1:	Analisis Dapatan soalselidik Sebelum Projek Inovasi dihasilkan	34
Rajah 4.2.2:	Analisis Dapatan soalselidik Selepas Projek Inovasi dihasilkan	35
Rajah 4.3:	Alatan Untuk Membuat CurryPuff Maker PromaX	36
Rajah 4.4:	Pembuatan CurryPuff Maker PromaX	37
Rajah 4.5:	Terhasilnya CurryPuff Maker PromaX	38
Rajah 4.8:	Kos pembangunan alatan CurryPuff Maker PromaX	39
Rajah 4.9:	Impak Produk terhadap Masa.	40
Rajah 4.10:	Impak Terhadap keberkesanan Penggunaan Perkhidmatan	41

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Projek inovasi ini secara umumnya adalah untuk mengenal pasti kelemahan dalam Kedai Cucur Frozen Kak Su dan penambahbaikkan dalam pengeluaran kripap. CurryPuff Maker PromaX ini dapat mempercepatkan proses dalam pembuatan kripap, malah dapat menjimatkan masa dan tenaga pekerja. CurryPuff Maker PromaX ini juga dapat menghasilkan lebih banyak kripap dalam satu masa tanpa membuang masa dan tenaga dalam menghasilkan satu kripap.


Projek perniagaan inovasi ini menumpukan perbincangan utama iaitu dari segi latar belakang projek inovasi, pernyataan masalah, objektif projek inovasi, justifikasi projek inovasi, skop projek inovasi, kepentingan projek inovasi, takrifan istilah dan rumusan bab.

### **1.2 LATAR BELAKANG PROJEK INOVASI**

Projek inovasi ini bertujuan untuk menghasilkan lebih banyak kuih kripap dalam satu masa dengan lebih cekap dan efisien. Seperti yang kita ketahui, untuk menghasilkan kripap memerlukan masa yang lama. Ini memberi impak kepada peniaga-peniaga kripap terutama sekali ketika mereka mempunyai pesanan daripada pelanggan yang perlu dipenuhi. Dalam meniti arus kemodenan ini, kebanyakan kuih kripap masih menggunakan secara tradisional untuk proses tempahan makanan. Hal ini menyebabkan proses penghasilan kripap tidak dapat dipenuhi dan membuatkan kepercayaan pelanggan semakin berkurang untuk membeli.

Justeru, projek inovasi ini adalah untuk membantu dan memudahkan penghasilan kuih kripap dalam Kedai Cucur Frozen Kak Su. CurryPuff Maker PromaX ini merupakan alat penting yang digunakan untuk meningkatkan penghasilan kuih kripap yang dapat memenuhi permintaan pelanggan. Ini dapat memberikan keyakinan kepada pelanggan untuk membeli dengan Kedai Cucur Frozen Kak Su tanpa ada masalah atau kekurangan pengeluaran. Manusia secara umumnya ingin segalanya dilakukan secara mudah dan tidak mengambil masa yang lama. Selain itu, CurryPuff Maker PromaX ini juga dapat menjimatkan masa dan tenaga pekerja. Ini kerana ianya dapat menghasilkan lebih banyak kripap dalam satu masa dan tidak perlu tenaga kerja yang ramai

untuk menghasilkannya. Malah dengan adanya CurryPuff Maker PromaX, karipap Frozen Kak Su dapat dipasarkan lebih banyak dan dikenali seluruh Malaysia.



Rajah 1.1 : Currypuff Maker Promax

### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Pada masa kini, kebanyakan pelanggan mencari makanan yang boleh mereka masak sendiri di rumah tanpa perlu membeli yang telah siap digoreng. Namun disebabkan pengeluaran yang terhad, Kedai Cucur Frozen Kak Su tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan disebabkan kekangan masa dan tenaga pekerja. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelanggan mencari kuih frozen kerana ianya mudah, senang dan cepat untuk disediakan, tidak perlu keluar beratur atau mencari, malah dapat menjimatkan masa di mana hanya perlu menggoreng sahaja.

Kedai Cucur Frozen Kak Su mengekalkan kesegaran kuih karipapnya tersendiri. Apabila pelanggan menempah kuih, ianya terus dibuat dan dibungkus serta dihantar terus kepada pelanggan. Umumnya, penghasilan sesuatu produk mengambil masa yang lama untuk menyiapkannya. Ini menyebabkan penghasilan karipap tidak dapat dimaksimumkan. Dalam satu temu bual bersama anak pemilik Kedai Cucur Frozen Kak Su, perniagaan mereka masih mengamalkan cara tradisional dengan menggunakan acuan karipap yang sedia ada. Ini menyebabkan proses penghasilan karipap perlahan dan sukar untuk memenuhi permintaan pelanggan yang disebabkan satu acuan karipap serta kekurangan tenaga pekerja. Dengan adanya

CurryPuff Maker PromaX, ianya dapat memaksimumkan penghasilan kripap dengan lebih cepat dan mudah tanpa memerlukan tenaga kerja yang ramai. Malah, dapat meningkatkan jualan harian. Ini kerana dapat menghasilkan kripap dengan lebih banyak dan memberikan keuntungan yang tinggi di Kedai Cucur Frozen Kak Su.

#### **1.4. OBJEKTIF PROJEK INOVASI**

##### **1.4.1 Objektif Am**

Projek ini dijalankan untuk mengenalpasti kelemahan di Kedai Cucur Frozen Kak Su yang menjalankan perniagaan makanan frozen. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menghasilkan alat dinamakan CurryPuff Maker PromaX yang akan memudahkan penghasilan kripap frozen, menjimatkan masa, tenaga pekerja dan mempercepatkan proses penghasilan.

##### **1.4.2 Objektif Khusus**

Objektif khusus adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti kelemahan dalam penghasilan kripap frozen di Kedai Cucur Frozen Kak Su yang menjalankan perniagaan makanan frozen.
2. Menghasilkan alat CurryPuff Maker PromaX untuk memudahkan penghasilan kripap secara banyak dan mempercepatkan proses penghasilan.
3. Untuk menjimatkan masa dan tenaga pekerja dalam pengurusan penghasilan kripap kerana Kedai Cucur Frozen Kak Su mempunyai pelbagai jenis makanan frozen untuk dihasilkan.

## **1.5 PERSOALAN PROJEK INOVASI**

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, persoalan bagi projek inovasi ini adalah untuk mengenalpasti kelemahan Kedai Cucur Frozen Kak Su.

- i. Apakah kelemahan Kedai Cucur Frozen Kak Su dalam menjalankan perniagaan makanan frozen mereka ?
- ii. Bagaimanakah alat CurryPuff Maker ProMaX yang dihasilkan dapat membantu Kedai Cucur Frozen Kak Su dalam menghasilkan karipap dan proses untuk menyiapkan karipap frozen itu dengan cepat ?
- iii. Adakah penggunaan CurryPuff Maker ProMaX ini dapat menjimatkan masa dalam penghasilan karipap frozen kepada Kedai Cucur Frozen Kak Su ?


## **1.6 JUSTIFIKASI PROJEK INOVASI**

### **1.6.1 Pemilihan Syarikat**

Perniagaan sejuk beku yang dikenali sebagai Kedai Cucur Frozen Kak Su ditubuhkan pada 7 Dec 2017. Kedai tersebut terletak di Kampung Betong Mukim Jeneri, 08320, Sik, Kedah. Perniagaan sejuk beku ini diuruskan sepenuhnya oleh Suriani binti Sahari selaku Pengurus Besar dan dibantu oleh beberapa pekerja yang membantu dalam hal-hal yang melibatkan jual beli serta susun atur barang di kedai makanan sejuk beku.

Kedai Cucur Frozen Kak Su menjual barangan makanan sejuk beku seperti kuih kacang, cucur badak dan karipap 3 perisa. Objektif utama perniagaan ini ditubuhkan adalah untuk menjadi pembekal makanan sejuk beku yang berkualiti tinggi dan memuaskan kepada pelanggan. Manakala, Visi Kedai Cucur Frozen Kak Su ialah Tradisi kampung tetap kami warisi.





Rajah 1.2 : Carta Organisasi Kedai Cucur Frozen Kak Su

Pengkaji memilih untuk bekerjasama dengan Kedai Cucur Frozen Kak Su untuk mencapai beberapa objektif yang telah dinyatakan. Pengkaji telah membuat sesi temu bual bersama pemilik kedai untuk mendapatkan maklumat mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka dalam penghasilan makanan sejuk beku. Berdasarkan kajian yang telah dibuat dan maklumat yang diperolehi, pengkaji mencadangkan untuk menghasilkan suatu inovasi kepada Kedai Cucur Frozen Kak Su iaitu satu alat agar dapat membantu memudahkan pekerja dari segi penghasilan kripap, menjimatkan masa dan tenaga pekerja. Alat inovasi ini dapat menggantikan acuan yang dapat menghasilkan hanya satu kripap sahaja dalam satu masa.

Oleh itu, inovasi pembangunan CurryPuff Maker Promax ini sangat relevan kepada Kedai Cucur Frozen Kak Su kerana alat ini sangat membantu memudahkan proses penghasilan, menjimatkan masa, tenaga pekerja dan mempercepatkan proses pembuatan kripap kuantiti yang banyak.

### 1.6.2 Barangan yang dijual di Kedai Cucur Frozen KakSu



Rajah 1.3: Contoh produk yang dijual.

### 1.6.2 ANALISIS SWOT ( *Strength Weaknesses Opportunities Threat* )

Pengkaji telah memilih analisis SWOT sebagai satu strategi mengenalpasti keperluan serta peluang bagi menjalankan projek ini. Analisis SWOT merupakan satu kerangka atau kaedah untuk mengenalpasti dan menganalisa kekuatan(*strength*), kelemahan(*weaknesses*), peluang(*opportunities*) serta ancaman(*threat*) sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh pihak pengurusan sebuah organisasi.

Maklumat yang digunakan untuk analisis SWOT ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian dan hasil temubual pengkaji dengan majikan (Suraini Binti Sahari) berkaitan isu serta keperluan penghasilan projek. Hasil daripada pemerhatian dan maklum balas, pengkaji telah mengenalpasti projek inovasi yang dapat dibangunkan untuk menangani isu yang diketengahkan. Pengkaji juga telah mengenalpasti peluang serta ancaman yang mungkin terpaksa dihadapi daripada projek inovasi yang dibangunkan.

Jadual 1.4: Analisis SWOT

<b>KEKUATAN (Strength)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesra pengguna</li> <li>Menjimatkan masa dan tenaga pekerja</li> <li>Kos rendah dari segi penghasilan</li> <li>Dapat dikomersialkan untuk kegunaan premis/perniagaan kedai lain.</li> </ul>
<b>KELEMAHAN (Weakness)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sukar dibawa kerana mudah patah</li> </ul>
<b>PELUANG (Opportunities)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peluang syarikat untuk maju dalam industri</li> <li>Dapat dipasarkan dalam kuantiti yang besar</li> </ul>
<b>ANCAMAN (Threats)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh dimanipulasikan oleh syarikat lain kerana masih belum mendapat hak cipta</li> </ul>

## 1.7 SKOP PROJEK INOVASI

Kajian ini secara umumnya dilakukan berdasarkan pengurusan bidang logistik dan rantaian bekalan yang membincangkan tentang penghasilan karipap dalam kuantiti yang banyak dalam satu-satu masa di kedai Cucur Frozen Kak Su. Secara khususnya kajian ini memfokuskan kepada pengurusan penghasilan karipap dengan pembangunan alat inovasi bagi memudahkan kerja-kerja dan mengurangkan tenaga dalam menghasilkan karipap dalam satu masa. Pertama, untuk mengkaji kelemahan di Kedai Cucur Frozen Kak Su yang menjalankan perniagaan secara sejuk beku. Seterusnya, menghasilkan sesuatu projek yang akan memudahkan pengurusan karipap dihasilkan, menjimatkan masa dan juga dapat menjimatkan tenaga pekerja. Walau bagaimanapun, kajian ini dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT iaitu *strengths* (kekuatan), *weaknesses* (kelemahan), *opportunity* (peluang) dan *threats* (ancaman) sahaja bagi mencapai objektif kajian.

## 1.8 KEPENTINGAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi yang dijalankan ini memberi kepentingan dari segi:

- a) Dengan wujudnya CurryPuff Maker PromaX ini, ia dapat memudahkan pekerja dalam menghasilkan karipap dalam kuantiti yang banyak.
- b) Membantu menjimatkan masa dan tenaga pekerja dalam menghasilkan karipap.
- c) Dapat mengelakkan pekerja berasa letih dan lesu kerana tidak cukup rehat akibat daripada menghasilkan karipap.

## 1.9 TAKRIFAN ISTILAH

Berikut merupakan takrifan istilah yang berkaitan dengan projek inovasi yang dilaksanakan:

### a) **Alatan**

- i. Alat (Jawi: أَلْت) ialah suatu objek yang digunakan untuk meluaskan kemampuan seseorang individu mengubah suai ciri persekitaran sekeliling.
- ii. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), barang apa yg diperlukan atau digunakan utk membuat, mengerjakan, menghasilkan) sesuatu.
- iii. Menurut kajian projek ini alatan adalah merujuk kepada CurryPuff Maker Pro Max yang akan digunakan di Kedai Cucur Frozen Kak Su.

### b) **Stok**

- i. Menurut Kamus Bahasa Melayu (2005), stok adalah barang dagangan untuk dijual atau himpunan barang yang tersimpan di stor.
- ii. Menurut S Suryaningrat (2020), stok adalah barang-barang yang disimpan untuk digunakan atau dijual pada masa atau periode yang akan datang, berupa persediaan barang bahan baku, persediaan barang setengah jadi dan persediaan barang jadi.
- iii. Menurut kajian projek ini, stok adalah merujuk kepada cucur yang dijual di Kedai Cucur Frozen Kak Su.

**c) Makanan Sejuk beku**

- i. Menurut MUHAMMAD dan R.M (2010), sejuk beku yang dihasilkan oleh para usahawan bersesuaian dengan konsep yang diinginkan oleh pengguna, sebagai contoh di antaranya produk makanan sejuk beku bercirikan 'ready to eat/ready to cook'.
- ii. Menurut Abdul Rahman A Samad (2019), ia diawet secara process penyejukan sehingga berkeadaan beku supaya tahan lama.
- iii. Dalam kajian ini, makanan sejuk beku adalah merujuk kepada cucur yang dihasilkan oleh perniagaan Kedai Cucur Frozen Kak Su sebelum ia dipasarkan.

**1.10 RUMUSAN BAB**

Secara keseluruhannya, bab ini adalah berkaitan dengan kajian penghasilan projek inovasi CurryPuff Maker PromaX. Alat ini dihasilkan untuk membantu perniagaan sejuk beku ini untuk meningkatkan penghasilan kripap, membantu menjimatkan masa dan tenaga pekerja. Dengan adanya inovasi alatan ini, ia dapat membantu Kedai Cucur Frozen Kak Su untuk melaksanakan perniagaan dengan lebih cekap. Oleh itu, kami memilih perniagaan Cucur Frozen Kak Su yang beralamat di Sik, Kedah bagi kajian ini. Secara keseluruhan dalam bab ini, latar belakang projek, pernyataan masalah, objektif projek, persoalan projek dan skop projek membincangkan tentang masalah yang telah wujud dan mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Setelah kami meneliti dan membuat perbincangan bersama penyelia kami bersetuju dalam membangunkan satu alat inovasi ini dan diharapkan alatan ini dapat diterapkan oleh perniagaan yang lain juga.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini menerangkan tentang kajian yang terdahulu berkaitan dengan bidang projek inovasi dan diakhiri dengan rumusan secara ringkas. Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan kajian lepas untuk sesuatu kajian terbaharu. Pengkaji telah mengenalpasti dapatan-dapatan penyelidikan lain dalam bidang yang dikaji. Projek inovasi yang dilaksanakan oleh pengkaji adalah dalam bidang logistik dan rantai bekalan iaitu penghasilan alat acuan dinamakan CurryPuff Maker PromaX bagi mempercepatkan proses pembuatan kripap yang dapat menjimatkan masa serta meningkatkan prestasi Kedai Cucur Frozen Kak Su dalam penghasilan kripap frozen mereka. Alat inovasi ini dihasilkan untuk memudahkan lagi kerja penghasilan kripap di Kedai Cucur Frozen Kak Su. Hal ini kerana, mereka masih menggunakan acuan lama yang dapat menghasilkan hanya satu kripap dalam satu masa. Sekaligus ini dapat meningkatkan produktiviti dalam perniagaan mereka. Kajian literatur ini meliputi tiga bahagian iaitu produk inovasi atau peralatan dalam perniagaan, pengurusan inventori dan pemasaran.

#### **2.2 KAJIAN TERDAHULU**

##### **A) Produk Inovasi**

Menurut Ezrin Hani (2018), Teknologi dan inovasi atau juga dikenali sebagai teknovasi memberi banyak implikasi positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara di seluruh dunia. Penggunaan teknovasi masa kini seharusnya melibatkan semua lapisan masyarakat dan merangkumi semua aspek kehidupan, pembangunan dan kemajuan. Namun begitu, penerimagaannya masih belum meluas dan mendapat banyak halangan dan cabaran terutamanya dalam industri pertanian. Industri pertanian merupakan salah satu sektor penting dan memainkan peranan utama sebagai sektor yang berjaya mengembangkan tamadun dunia. Walaubagaimanapun, industri ini masih mundur dari segi penggunaan alatan teknovasi. Kebanyakan pekerja masih menggunakan alatan kerja manual. Justeru itu, kajian ini memfokuskan kepada isu dan cabaran yang dihadapi dalam penerimagaannya teknovasi di ladang kelapa sawit. Pelbagai isu yang telah dikenalpasti memberi halangan

dalam penggunaan teknovasi seperti pihak pengurusan, sikap pekerja, keadaan kerja, persekitaran kerja dan alatan kerja. Dapatan kajian ini membantu merungkaikan permasalahan yang dihadapi dan diharapkan dapat meningkatkan penggunaan teknovasi.

Menurut Syairozi (2022), Inovasi adalah sesuatu hal yang baru yang mengangkat dari ilmu pengetahuan, serta dapat memberikan manfaat dalam kehidupan manusia. Ilmu pengetahuan sangat dibutuhkan untuk pengembangan inovasi. Tanpa adanya ilmu pengetahuan, inovasi tidak akan berjalan sebagaimana mestinya. Bahkan bisa saja salah sasaran, tidak bertahan lama dan hanya menjadi angan-angan. Inovasi sangat berguna di segala bidang kehidupan, oleh karena itu, memahami beberapa hal terkait inovasi memang diperlukan. Daun lontar adalah daun siwalan atau bisa juga disebut daun ental(tal) yang dikeringkan dan dipakai sebagai bahan kerajinan. Daun lontar juga digunakan sebagai media untuk menulis dan menggambar. Selain daun lontar buah siwalan atau ental juga bermanfaat bagi kesehatan. Banyak masyarakat yang menyebutnya sebagai pohon al-hayat atau pohon kehidupan.

## B) Inventori

Menurut Shamsudin, (2021) Inventori ialah aset semasa terbesar bagi organisasi lain syarikat. Pengurusan inventori yang baik adalah penting untuk kos yang ditanggung oleh syarikat dengan jumlah inventori tertentu dalam stok. Kesukaran pengurusan inventori akan mengakibatkan perniagaan. Dalam sektor perkhidmatan, ketidakupayaan sesebuah syarikat membekalkan sesuatu dalam inventori, akan menyebabkan organisasi terhenti. Butiran syarikat yang menggunakan terlalu banyak, kos pegangan mungkin berlaku perbezaan yang ketara antara untung dan rugi. Pengurusan inventori yang baik dan berkesan adalah perlu untuk kos inventori dengan pengurangan jumlah inventori dalam syarikat.

Menurut Raziff Buyong, Ahmad Nur Aizat Ahmad, (2020) Dalam penyelidikan ini, Just In Time (JIT) telah dijalankan di bahagian pengurusan inventori. Bagi mencapai objektif penyelidikan, jabatan inventori perlu mengurangkan pembaziran seperti lebihan barang siap dalam inventori dan kekurangan inventori bahan mentah. Antara teknik dalam pembuatan Lean yang boleh diaplikasikan untuk menambah baik system pengurusan inventori ialah JIT. Analisis ABC dan susun atur inventori adalah antara kaedah yang digunakan untuk menganalisis aspek inventori menggunakan konsep JIT. Dengan konsep

JIT, pengurusan inventori semasa boleh dipertingkatkan, dan pengurusan inventori yang betul dapat meningkatkan keberkesanan kerja.

Menurut Sukaini, M. B. B., & Othman, M. B. (2022), sistem pengurusan inventori adalah sebuah sistem yang membantu syarikat untuk menguruskan stok yang berada di dalam inventori secara dalam talian. Sistem ini juga membantu syarikat dalam menguruskan proses menjejaki stok yang digunakan bagi memastikan tiada situasi dimana stok hilang yang tidak dapat dikenal pasti.

### C) Pemasaran

Menurut Fandy Tjiptono, Anastasia Diana ANDI, (2020). Pemasaran merupakan applied science yang mencerminkan perpaduan antara art dan science. Pemahaman atas perilaku konsumen dan dinamika lingkungan pemasaran merupakan kunci sukses perancangan strategi dan program pemasaran. Buku ini memaparkan prinsip-prinsip pokok yang wajib dipahami setiap pemerhati bisnis dan pemasaran. Pembahasan mencakup lingkungan pemasaran; etika pemasaran; tanggung jawab social perusahaan; perilaku konsumen; segmentasi, targeting, dan positioning; branding; produk; penetapan harga; distribusi; komunikasi pemasaran terintegrasi; serta pemasaran global dan e-marketing. Disamping itu, buku ini juga menyajikan 15 kasus singkat yang ditulis khusus untuk memfasilitasi diskusi dalam proses pembelajaran dasar-dasar Pemasaran, Manajemen Pemasaran, dan atau Teori dan Praktik Pemasaran.

Menurut Yayasan Kita Menulis, (2021) Pemasaran secara definisi menurut kottler dan Keller adalah menemukan kebutuhan manusia dan kebutuhan sosialnya, perusahaan dituntut untuk memahami apa yang diinginkan oleh konsumen dan mengupayakan cara untuk memenuhi tuntutan tersebut, hal yang menjadi tugas perusahaan untuk memenuhi kebutuhan konsumen tersebut dapat dicapai dengan beberapa cara antara lain dengan melakukan perencanaan strategi pemasaran, pemetaan segmentasi, target dan posisi konsumen, hingga melakukan evaluasi terhadap strategi pemasaran yang telah dilaksanakan oleh perusahaan selama ini antara lain strategi produk, strategi harga, strategi promosi, dan langkah-langkah yang harus dilakukan perusahaan dalam mencapai keunggulan kompetitif untuk memenangkan pasar di era digital saat ini.



Menurut Yayasan Kita Menulis, (2021) Pemasaran merupakan komponen yang sangat penting dalam kelangsungan produksi perusahaan masa sekarang dan masa yang akan datang. Buku ini berisi materi yang dapat digunakan baik oleh tenaga pengajar maupun mahasiswa, serta para pembaca umumnya untuk menambah wawasan berpikir dan ilmu yang berkenaan dengan Bidang Ilmu Manajemen Pemasaran.

Menurut Wirapraja, (2021) Pemasaran secara definisi adalah kegiatan pemenuhan kebutuhan manusia dan Sosial. definisi lainnya kegiatan pemasaran adalah proses social dan manajerial dari konsumen untuk mendapatkan apa yang mereka butuhkan melalui penciptaan, penawaran, dan pertukaran segala sesuatu yang bernilai dengan pihak penjual kegiatan pemasaran tidak hanya sebatas penjualan namun bagi perusahaan merupakan bentuk aktivitas bisnis dari barang jadi, proses order, penjadwalan hingga pengiriman sampai kepada konsumen dan menarik minat beli kembali konsumen agar mau melakukan transaksi kembali atau transaksi ulang, pada saat ini kegiatan pemasaran sudah banyak dilakukan menggunakan teknologi digital dan terkomputerisasi agar dapat menghasilkan keputusan terbaik

(Sudirman et al, 2020). Pada perusahaan sama seperti bagian produksi dan logistik yang juga memiliki tanggung jawab atas manajemen pasokan, pemasar juga bertanggung jawab atas manajemen permintaan. Mereka berusaha memengaruhi tingkat, waktu, dan komposisi permintaan untuk memenuhi tujuan perusahaan.

### **2.3 RUMUSAN**

Secara keseluruhan, kajian literatur yang dibincangkan ini merangkumi bidang projek inovasi iaitu produk inovasi atau peralatan dalam perniagaan, pengurusan inventori dan pemasaran.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang CurryPuff Maker PromaX dan kaedah penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini. Pertamanya kajian ini akan menerangkan mengenai prosedur untuk menghasilkan projek inovasi iaitu sebuah alatan yang disebut sebagai CurryPuff Maker PromaX. Kemudian, penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi maklumat projek, pembaharuan dan keunikan projek dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini.

#### **3.2 MAKLUMAT PROJEK INOVASI**

CurryPuff Maker PromaX ialah satu projek inovasi yang dihasilkan untuk mempercepatkan proses dalam pembuatan kripap. Kedai Cucur Frozen Kak Su sering menghadapi masalah mengenai kuantiti kripap yang dihasilkan. Dengan adanya CurryPuff Maker PromaX ini, ia dapat meningkatkan dan mempercepatkan proses penghasilan kripap disamping menjimatkan masa dan tenaga pekerja. Dengan penghasilan CurryPuff Maker PromaX, ianya mempunyai beberapa kelebihan seperti menjimatkan masa dan tenaga, kos rendah dari segi penghasilan, dapat dikomersialkan untuk kegunaan premis dan mesra pengguna. Perkakasan dan mesin yang digunakan untuk menghasilkan CurryPuff Maker PromaX adalah seperti berikut.

- i. Mesin gedudi skru
  
- ii. Pemutar skru
  
- iii. Skru

### 3.3 PROSES PEMBANGUNAN PROJEK INOVASI

Projek inovasi ini dinamakan CurryPuff Maker PromaX. Bagi menghasilkan alatan ini, beberapa perkakasan diperlukan iaitu mesin gerudi skru, pemutar skru, penukul, skru dan kayu.



Rajah 3.1: Antara Perkakasan yang digunakan untuk melaksanakan semua proses dalam pembangunan CurryPuff Maker PromaX

#### Langkah 1


Langkah pertama dimulakan dengan membuat lubang pada acuan karipap tersebut dengan menggunakan paku yang telah dipanaskan.



Rajah 3.2: Cara menebuk acuan menggunakan paku yang telah dipanaskan.

## Langkah 2

Langkah kedua diteruskan dengan proses menyusun acuan karipap diatas permukaan kayu.



Rajah 3.3: Contoh acuan yang telah disusun diatas permukaan kayu secara selari

## Langkah 3

Langkah ketiga adalah menggerudi skru untuk melekatkan acuan pada kayu tersebut



Rajah 3.4: Cara menggerudi skru pada kayu



Rajah 3.5: Contoh acuan yang telah siap diskru pada kayu



Rajah 3.6: Gambaran CurryPuff Maker ProMax

### 3.4 PEMBAHARUAN DAN KEUNIKAN PROJEK INOVASI

Sebelum CurryPuff Maker PromaX ini dihasilkan, penghasilan kuih karipap tidak memuaskan. Hal ini kerana untuk menghasilkan satu pek karipap sejuk beku memerlukan tenaga kerja yang banyak bagi memenuhi permintaan pelanggan yang sedia ada. Malah perlu bersaing dengan kedai karipap sejuk beku yang lain. Tetapi dengan adanya CurryPuff Maker PromaX, ia dapat mengurangkan tenaga kerja dan menjimatkan masa, meningkatkan penghasilan karipap serta dapat bersaing setanding dengan kedai karipap sejuk beku yang lain. Sebelum ini, Kedai Cucur Frozen Kak Su hanya menggunakan acuan karipap tradisional untuk menghasilkan karipap. Ia mengambil masa yang lama untuk penghasilan karipap dan sukar untuk memenuhi permintaan pelanggan, di mana ia memberikan impak negatif kepada perniagaan tersebut terutama sekali ketika mempunyai pesanan yang banyak untuk dipenuhi. Tetapi dengan adanya CurryPuff Maker PromaX, Kedai Cucur Frozen Kak Su tidak perlu susah hati atau risau jika tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan kerana ia sangat mudah dan cepat untuk menghasilkan lebih banyak karipap dalam satu masa tanpa memerlukan tenaga kerja yang banyak dan masa yang panjang serta mempunyai masa untuk berehat. Sepanjang tempoh pembaharuan dan keunikan produk ini, keberkesanan terhadap produk ini telah dibuktikan apabila ianya telah dicuba oleh pengkaji sendiri.

Sepanjang tempoh pelaksanaannya, ia telah memenuhi ciri-ciri berikut: (Impak Produk)

i. **Meningkatkan Persaingan :**

Kedai Cucur Frozen Kak Su dapat bersaing setanding dengan kedai sejuk beku yang lain dengan memaksimumkan penghasilan karipap.

ii. **Menjimatkan Masa dan Tenaga Kerja :**

Kedai Cucur Frozen Kak Su tidak perlu menggunakan acuan karipap tradisional untuk menghasilkan karipap dengan memerlukan tenaga kerja yang ramai dan memerlukan masa yang lama untuk menghasilkannya.

iii. **Mesra Pengguna :**

Penghasilan CurryPuff Maker PromaX dapat menggantikan kaedah lama yang digunakan oleh Kedai Cucur Frozen Kak Su iaitu acuan karipap tradisional yang melambatkan proses penghasilan karipap.

iv. **Mengurangkan Kos dalam Penghasilan :**

Kedai Cucur Frozen Kak Su tidak perlu membeli banyak acuan karipap tradisional untuk menghasilkan karipap.

v. **Mudah Diguna :**

Kedai Cucur Frozen Kak Su hanya perlu tekan sahaja seperti yang selalu dibuat untuk menghasilkan karipap tetapi ia dapat menghasilkan lebih banyak karipap dalam satu masa.

### **3.5 KAEDAH KAJIAN**

Terdapat beberapa jenis instrumen digunakan untuk mengumpulkan maklumat dalam kajian. Satu daripada instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif adalah menggunakan teknik temubual. Kajian ini dijalankan dengan menjalankan temubual berstruktur bersama pemilik Perniagaan Cucur Frozen Kak Su berkenaan masalah yang dihadapi oleh syarikat tersebut. Temubual berstruktur ini dijalankan secara formal, dirancang teliti selaras dengan objektif kajian dan soalan tidak perlu banyak untuk mengelakkan data terpesong daripada objektif kajian dan merumitkan kerja mengurus dan menganalisis data.

Kaedah ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan membantu dalam penghasilan alat inovasi ini. Soalan temubual bersama pemilik Perniagaan Cucur Frozen Kak Su adalah seperti berikut bagi mendapatkan dapatan keperluan sebelum menghasilkan projek inovasi CurryPuff Maker PromaX.

Jadual 3.7: Senarai Soalan Temubual Sebelum Penghasilan Projek

<b>Bil</b>	<b>Soalan Temubual</b>
1	Adakah Perniagaan Cucur Frozen Kak Su mengalami masalah dalam penghasilan produk yang dipasarkan ?
2	Adakah proses penghasilan produk tidak selari dengan permintaan produk ?
3	Adakah kaedah lama iaitu menghasilkan produk karipap secara satu per satu melambatkan penghasilan produk ?
4	Adakah anda memerlukan perubahan dalam menambah baik alatan yang digunakan ?
5	Adakah anda bersetuju sekiranya alat inovasi CurryPuff Maker PromaX ini dihasilkan dapat membantu meningkatkan lagi proses penghasilan produk ?

Berikut merupakan soalan temubual bersama pemilik Perniagaan Cucur Frozen Kak Su setelah projek inovasi CurryPuff Maker PromaX dihasilkan dan digunapakai.

Jadual 3.8: Senarai Soalan Soalselidik Selepas Penghasilan Projek

<b>Bil</b>	<b>Soalan Soalselidik</b>
1	Adakah alat inovasi CurryPuff Maker ini mudah digunakan?
2	Adakah inovasi ini dapat menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk?
3	Bagaimakah inovasi ini dapat meningkatkan hasil produktivi perniagaan Cucur Frozen Kak Su?
4	Adakah inovasi ini terdapat sebarang masalah ketika digunakan?
5	Adakah Perniagaan Cucur Frozen Kak Su berpuas hati dengan alat inovasi yang dihasilkan?
6	Adakah projek inovasi CurryPuff Maker PromaX ini mempercepatkan proses penghasilan daripada sebelum ini?
7	Adakah inovasi ini dapat menjimatkan masa dan tenaga pekerja dalam perniagaan?
8	Apakah yang boleh diperbaiki dalam penghasilan Alat inovasi CurryPuff Maker PromaX ini?



### **3.6 RUMUSAN BAB**

Kesimpulannya, bab ini telah memfokuskan kepada langkah-langkah penghasilan alat inovasi CurryPuff Maker PromaX dan kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan keperluan penghasilan projek inovasi. Selain itu, melalui bab ini juga pengkaji telah berjaya mengetahui masalah yang alat acuan lama yang digunakan melambatkan proses penghasilan produk yang ianya tidak selaras dengan permintaan produk yang tinggi. Jadi dengan penghasilan alat inovasi CurryPuff Maker PromaX ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Seterusnya, dapat meningkatkan lagi produktiviti perniagaan ini dalam menghasilkan produk mereka untuk dipasarkan.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI**

#### **4.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai analisis dapatan kajian pada peringkat pertama dan analisis dapatan kajian pada peringkat yang kedua. Dapatan keseluruhan dan analisis ini dibentangkan dalam bentuk rajah dan pernyataan bagi membolehkan penemuan yang penting dalam projek inovasi yang dikemukakan. Bab ini disusun mengikut hierarki persoalan kajian bagi menunjukkan bahawa semua persoalan telah dijawab dengan baik dan sempurna. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan mengenai impak atau kesan yang positif terhadap projek inovasi yang dibuat dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan.

#### **4.2 ANALISIS SITUASI**

Projek yang dijalankan ini melibatkan beberapa tingkat analisis. Sebelum peringkat analisis, dapatan diperolehi berdasarkan analisis dapatan soalselidik sebelum dan selepas projek inovasi dihasilkan. Seterusnya, peringkat analisis yang terlibat ialah analisis dapatan kajian peringkat pertama yang melibatkan proses Fasa 1 iaitu peningkatan produk inovasi dan peringkat kedua yang melibatkan Fasa 2 iaitu pemurnian ke atas produk inovasi yang dihasilkan.

#### 4.2.1 Analisis Dapatan soalselidik Sebelum Projek Inovasi dihasilkan

Berikut merupakan dapatan soalselidik bersama pemilik perniagaan iaitu Suriani Binti Sahari dan juga pekerja-pekerja sebelum projek inovasi alatan CurryPuff Maker PromaX dihasilkan dan diguna pakai.

<b>Bil</b>	<b>Soalan Soalselidik</b>	<b>Respon</b>
1	Adakah Perniagaan Cucur Frozen Kaksu mengalami masalah dalam menghasilkan kripap dengan perlahan?	Ya
2	Adakah penghasilan kripap tersebut dijalankan satu persatu?	Ya
3	Adakah pekerja Cucur Frozen Kaksu tidak mencukupi masa dalam meningkatkan penghasilan dalam sehari?	Ya
4	Adakah anda memerlukan penyelesaian dalam membantu menjimatkan masa dalam menghasilkan kripap dalam satu masa?	Ya
5	Adakah anda setuju sekiranya CurryPuff Maker PromaX dihasilkan bagi membantu perniagaan Cucur Frozen Kaksu dalam menghasilkan kripap dengan lebih cepat dan banyak dalam satu masa?	Ya

Secara keseluruhannya, pemilik perniagaan Cucur Frozen Kak Su bersetuju dengan semua persoalan soalselidik yang dikemukakan. Permasalahan wujud dalam penghasilan kripap dan pemilik bersetuju untuk menghasilkan kripap melalui alatan ini serta memerlukan penyelesaian dari penghasilan alatan CurryPuff Maker PromaX yang akan membantu pekerja untuk menghasilkannya dengan mudah.

#### 4.2.2 Analisis Dapatan soalselidik Selepas Projek Inovasi dihasilkan

Berikut merupakan dapatan soalselidik bersama pemilik dan pekerja Cucur Frozen Kak Su setelah projek inovasi CurryPuff Maker PromaX dihasilkan dan digunakan.

Jadual 4.4: Senarai Soalan soalselidik Selepas Penghasilan Projek Bil Soalan soalselidik Respon

Bil	Soalan soalselidik	Respon
1	Adakah alatan CurryPuff Maker PromaX ini merupakan satu inovasi dalam menghasilkan karipap ?	Ya
2	Adakah alatan CurryPuff Maker Promax ini dapat memudahkan penghasilan karipap dengan lebih cepat ?	Ya
3	Adakah alatan CurryPuff Maker PromaX dapat menjimatkan masa untuk menghasilkan karipap ?	Ya
4	Adakah alatan CurryPuff Maker PromaX dapat menjimatkan tenaga pekerja ?	Ya
5	Adakah anda berminat untuk menggunakan alatan CurryPuff Maker PromaX ini di perniagaan Cucur Frozen Kak Su?	Ya
6	Adakah anda mencadangkan alatan CurryPuff Maker PromaX untuk digunakan kepada semua syarikat?	Ya

Secara keseluruhannya, pemilik bersetuju dengan semua persoalan soalselidik yang dikemukakan selepas penggunaan alatan CurryPuff Maker PromaX ini. Pemilik bersetuju alatan CurryPuff Maker Promax ini adalah satu inovasi yang dapat menghasilkan karipap dengan lebih cepat, ia juga dapat menjimatkan masa dan juga kos serta memberikan keberkesanan yang optimum. Pemilik juga bersetuju alatan CurryPuff Maker Promax ini dapat membantu pekerja Cucur Frozen Kak Su untuk menghasilkan karipap dengan mudah dan lebih pantas. Pemilik juga berminat untuk menggunakan alatan CurryPuff Maker PromaX ini di perniagaan Cucur Frozen Kak Su dan mencadangkan alatan CurryPuff Maker Promax untuk digunakan kepada semua syarikat atau peniaga-peniaga kecil yang menguruskan pembuatan karipap ini.

### 4.2.3 Analisis Dapatan Kajian Peringkat Pertama

Sebelum CurryPuff Maker PromaX ini dihasilkan, pekerja Kedai Cucur Frozen Kak Su hanya menggunakan acuan tradisional untuk menghasilkan karipap sejuk beku. Di sini, pekerja mengambil masa yang lama dan tenaga yang banyak untuk menghasilkan karipap untuk dijual. Perbincangan ini dilakukan bagi memilih kaedah penyelesaian yang terbaik untuk digunakan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pekerja dalam menghasilkan karipap. Kaedah ini dijangka lebih teratur, mudah, senang dan ia dapat digunakan secara berterusan. Selain itu, pengkaji juga telah membuat pemerhatian tentang penggunaan CurryPuff Maker PromaX di Kedai Cucur Frozen Kak Su selama seminggu. Di mana pada minggu pertama, penggunaan CurryPuff Maker PromaX untuk menghasilkan karipap melonjak naik untuk dipasarkan. Di samping itu, pemerhatian pada minggu kedua mendapati penghasilan karipap lebih banyak daripada minggu pertama oleh kerana penambahbaikan yang telah dilakukan bagi meluaskan pasaran dan memenuhi permintaan pelanggan.

#### a) Fasa 1 Inovasi ditingkatkan

Pengkaji menghasilkan CurryPuff Maker PromaX seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Untuk menghasilkan projek inovasi ini, pengkaji menggunakan alatan-alatan seperti mesin gerudi skru, pemutar skru, penukul, skru dan kayu. CurryPuff Maker PromaX ini dicipta untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pekerja di Kedai Cucur Frozen Kak Su. Inovasi ini memberikan penyelesaian yang terbaik dalam menghasilkan karipap sejuk beku serta membantu menjimatkan masa dan tenaga pekerja.



RAJAH 4.3: Alatan Untuk Membuat CurryPuff Maker PromaX

#### 4.2.4 Analisis Dapatan Kajian Peringkat Kedua

Rajah 4.4 menunjukkan CurryPuff Maker PromaX yang dihasilkan oleh pengkaji. Dengan adanya acuan ini di Kedai Cucur Frozen Kak Su, pekerja Kak Su boleh menghasilkan karipap dengan mudah dalam masa yang singkat tetapi CurryPuff Maker PromaX ini masih belum lengkap dan sempurna kerana masih dalam proses untuk menghasilkannya.



RAJAH 4.4: Pembuatan CurryPuff Maker PromaX

**a) Fasa 2 inovasi dimurnikan**

Penghasilan daripada inovasi 1 mendapati bahawa acuan CurryPuff Maker PromaX tersebut tidak lengkap kerana ia masih dalam proses untuk dihasilkan. Oleh hal demikian, Rajah 4.4 telah menunjukkan projek inovasi yang disebut sebagai CurryPuff Maker PromaX ini telah siap sepenuhnya. Pengkaji mengambil masa selama seminggu (7 hari) untuk menghasilkan projek inovasi ini dan inovasi ini telah pun dipersetujui oleh Kak Su sendiri iaitu pemilik kepada Cucur Frozen Kak Su bagi menambahbaik dalam penghasilan karipap di kedainya.



RAJAH 4.5: Terhasilnya CurryPuff Maker PromaX

### 4.3 ANALISIS KEWANGAN

Pengkaji telah menganalisis penglibatan beberapa kos sepanjang projek dijalankan dalam menyediakan dan menghasilkan alatan CurryPuff Maker PromaX. Analisis kewangan telah dilakukan oleh pengkaji dalam merangkumi aspek kos penghasilan projek secara per unit dan penetapan harga seunit sekiranya produk ini ingin dikomersialkan. Sub topik seterusnya memperincikan perkara-perkara yang telah dinyatakan sebelum ini.

#### 4.3.1 Kos Penghasilan Projek

Kos penghasilan produk diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses pembuatan bahan inovasi. Bahan-bahan input disenaraikan dan dinyatakan kos per unit yang terlibat sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit yang terlibat sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit. Perbandingan kos penghasilan alatan CurryPuff Maker PromaX semasa di Fasa 1 dan Fasa 2 adalah seperti dalam jadual di bawah.

#### 4.3.2 Kos Penghasilan Projek Per Unit

Jadual 4.8: Kos pembangunan alatan CurryPuff Maker PromaX

BIL	BUTIRAN	KOS (RM)
1	Skru	RM 2
2	Kayu	RM 60
3	Acuan	RM 2 (4 unit)
4	Upah	RM 30
	Jumlah Kos	RM 100



### 4.3.3 Peletakan Harga Projek

Setelah kos penghasilan projek dikira, peletakan harga ditentukan bagi alatan CurryPuff Maker Promax yang dihasilkan. Kos pembuatan sebanyak RM 100.00 telah dikeluarkan bagi penambahbaikan projek. Harga bagi alatan CurryPuff Maker Promax adalah sebanyak RM 100.00 setelah dibincangkan dan ditentukan oleh kumpulan pengkaji berdasarkan alatan yang digunakan. Selain itu, alat ini menggunakan bahan yang mudah didapati dengan harga mampu milik.

### 4.3.4 Justifikasi kos pelaksanaan projek

Kos pelaksanaan projek ialah RM 100.00. Cadangan bagi peletakan harga projek adalah sebanyak RM 150.00 setelah dibincangkan dan ditentukan oleh kumpulan pengkaji berdasarkan sistem yang digunakan. Hal ini kerana harga alatan ini telah ditentukan berdasarkan kepada kombinasi kos penggunaan yang diperlukan, tenaga dan masa ahli pengkaji yang diluahkan sepanjang projek ini berlangsung dari awal hingga selesai projek ini dijalankan.

## 4.4 IMPAK PROJEK INOVASI

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari inovasi yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

### a) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan inovasi CurryPuff Maker Promax ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari membuat karipap secara manual iaitu secara satu per satu. Hal ini kerana inovasi yang dihasilkan dapat memudahkan pekerja Perniagaan Sejuk Beku Kak Su untuk menghasilkan 4 biji karipap dalam satu masa. Masalah penghasilan karipap berdasarkan pemerhatian pengkaji adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.9: Impak Produk terhadap Masa.

Butiran	Manual	Inovasi
Jumlah penghasilan karipap dalam satu masa	1 biji	4 biji

### **b) Impak Produk Terhadap Kos**

Perbelanjaan untuk membuat inovasi CurryPuff Maker ProMaX ini ialah sebanyak RM100. Oleh itu, ia boleh dikategorikan sebagai menjimatkan kos kerana inovasi ini dicipta dengan kos yang rendah. Seterusnya, cara penggunaannya juga adalah mudah dan dapat membantu perniagaan menyelesaikan masalah penghasilan.

### **c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Projek**

Keberkesanan penggunaan CurryPuff Maker ProMaX dapat dilihat dari segi kemudahan kepada Perniagaan yang menghasilkan karipap. Hal ini kerana produk inovasi ini mempunyai ciri yang dapat membantu dalam penghasilan karipap. Ianya boleh menghasilkan 4 biji karipap dalam satu masa. Seterusnya, produk inovasi CurryPuff Maker ProMaX ini sangat membantu kerana pihak pekerja Perniagaan Sejuk Beku Kak Su masih menghasilkan karipap secara manual. Dengan adanya alat inovasi ini, mereka dapat meningkatkan jumlah penghasilan karipap di kedai mereka. Hal ini kerana, perniagaan mereka mendapat permintaan yang banyak tetapi tidak dapat dipenuhi oleh pihak Perniagaan Sejuk Beku Kak su disebabkan kekurangan tenaga pekerja dan mereka masih menggunakan kaedah lama yang memakan masa. Oleh itu, inovasi yang dihasilkan ini dapat menyelesaikan masalah perniagaan Sejuk Beku Kak Su ini kerana ia tidak perlu menambah pekerja sebaliknya dengan menggunakan alat ini, ianya dapat membantu menghasilkan karipap secara banyak dan cepat.

Jadual 4.10: Impak Terhadap keberkesanan Penggunaan Perkhidmatan.

<b>Aspek</b>	<b>Sebelum</b>	<b>Selepas</b>
<b>Keselamatan pekerja semasa menghasilkan karipap</b>	Memuaskan	Lebih Selamat
<b>Kepuasan pekerja</b>	Memuaskan	Amat baik

#### **4.4 PENGKOMERSIALAN**

Mengenal pasti pasaran sasaran merupakan langkah penting dalam membincangkan rancangan pengkomersialan. Sasaran pengguna utama bagi alatan CurryPuff Maker PromaX ini adalah lebih kepada pekerja di Kedai Cucur Frozen Kak Su kerana melalui pemerhatian dan soal selidik, pengkaji mendapati bahawa CurryPuff Maker PromaX ini merupakan alatan yang dapat membantu pekerja di Kedai Cucur Frozen Kak Su untuk menghasilkan karipap. Hal ini kerana dengan adanya CurryPuff Maker PromaX ini, masalah yang dihadapi oleh pekerja untuk menghasilkan karipap dapat disingkatkan, memudahkan pengguna, dan tidak menggunakan tenaga kerja yang banyak. Malah CurryPuff Maker PromaX ini dapat menghasilkan lebih banyak karipap dalam satu masa dan pelanggan boleh terus beli tanpa perlu membuat tempahan atau pesanan. Setelah CurryPuff Maker PromaX ini berjaya dicipta, inovasi ini juga akan diperkenalkan kepada seluruh peniaga yang menjual karipap. Hal ini kerana bukan sahaja Kedai Cucur Forzen Kak Su bertambah maju, malah dapat membantu ramai peniaga karipap untuk meningkatkan jualan mereka dengan adanya CurryPuff Maker PromaX.

#### **4.5 RUMUSAN BAB**

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai proses penghasilan sebelum dan selepas tentang penggunaan projek inovasi CurryPuff Maker PromaX yang kami lakukan. Secara keseluruhannya, projek inovasi ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna dan peniaga-peniaga kecil ini.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan projek yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Ancaman dan Peluang) bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Kajian juga mencadangkan sesuatu inovasi atau idea baharu berdasarkan dapatan kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang projek inovasi juga turut dinyatakan.

#### **5.2 KESIMPULAN KESELURUHAN PROJEK INOVASI.**

Kesimpulan projek inovasi mengemukakan rumusan secara keseluruhan projek yang dilaksanakan, hasil dan pencapaian projek sama ada mencapai objektif, perancangan dan harapan untuk projek akan datang. Kelemahan dan kelebihan dinyatakan secara ringkas dan tepat. Penemuan projek disimpulkan dengan objektif dan persoalan projek. Kesimpulan daripada penyediaan projek ini dilakukan berdasarkan analisis SWOT yang disediakan oleh pengkaji. Berikut merupakan jadual analisis SWOT yang menjelaskan kesimpulan keseluruhan projek.

Kesimpulannya, aplikasi ini diterima baik oleh seluruh pekerja di Perniagaan Cucur Frozen Kak Su. Walaupun pada awal permulaan projek ini terdapat beberapa masalah seperti cara penggunaan yang merumitkan serta ciri keselamatan yang kurang efektif, projek ini akhirnya dapat ditambah baik dan dapat diterima baik oleh pekerja. Projek sebegini sememangnya memerlukan jangka masa yang lama untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan yang dibimbing oleh penyelia projek, projek ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setelah pelbagai kajian serta ujikaji yang telah dilakukan ke atas projek ini, didapati bahawa penggunaan CurryPuff Maker ProMaX ini berjaya membantu para pekerja di Perniagaan Sejuk Beku Kak Su dan memberi impak yang positif. Secara keseluruhannya, projek ini telah memenuhi kriteria atau objektif projek kerana dapat memudahkan pekerja dalam penghasilan karipap. Penggunaan CurryPuff Maker ProMaX ini mudah dikendalikan dan diselenggara.

Jadual 5.1: Analisis SWOT

<b>KEKUATAN (Strength)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mesra pengguna</li> <li>Menjimatkan masa dan tenaga pekerja</li> <li>Kos rendah dari segi penghasilan</li> <li>Dapat dikomersialkan untuk kegunaan premis/perniagaan kedai lain.</li> </ul>
<b>KELEMAHAN (Weakness)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sukar dibawa kerana mudah patah</li> </ul>
<b>PELUANG (Opportunities)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peluang syarikat untuk maju dalam industri</li> <li>Dapat dipasarkan dalam kuantiti yang besar</li> </ul>
<b>ANCAMAN (Threats)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh dimanipulasikan oleh syarikat lain kerana masih belum mendapat hak cipta</li> </ul>

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara kekuatan inovasi CurryPuff Maker PromaX ini ialah sangat mesra pengguna. Disamping itu, pekerja juga dapat menjimatkan masa dalam menghasilkan karipap dalam kuantiti yang banyak. Selain itu, ciptaan CurryPuff Maker PromaX ini tidak memerlukan kos yang tinggi dan alatan ini diciptakan untuk kegunaan perniagaan lain.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati kelemahan alat CurryPuff Maker PromaX ini adalah ianya sukar dibawa. Hal ini menyebabkan pengkaji menarik taraf dengan menghasilkan alat inovasi yang bersaiz kecil untuk mudah diangkat dan dibawa. Melalui dapatan kajian yang dilakukan, inovasi CurryPuff Maker PromaX ini berpotensi untuk memajukan Perniagaan Sejuk Beku Kak Su dalam industri. Selain itu, inovasi yang dihasilkan ini juga membantu perniagaan untuk memasarkan karipap dalam kuantiti yang besar. Oleh itu, syarikat akan lebih maju dalam industry khususnya dalam industri perniagaan sejuk beku.

Dari pemerhatian pengkaji, inovasi yang sedia sangat praktikal dan inovasi ini boleh dimanipulasi oleh syarikat lain kerana syarikat lain masih belum mendapatkan hak cipta.

## **5.3 CADANGAN**

### **A) Cadangan Penambahbaikan Projek Inovasi**

Cadangan penambahbaikan ialah menyenaraikan idea-idea baharu atau cadangan dalam menaik taraf projek bagi memantapkan dan menyempurnakan lagi dapatan kajian dalam bidang yang dikaji.

Antara cadangan penambahbaikan adalah:

- 1) Tempoh masa untuk menghasilkan kripap adalah terlalu lama jika menggunakan acuan yang biasa. Oleh kerana itu, pengkaji menambahbaik kualiti inovasi ini untuk memudahkan urusan pengguna. Pengkaji meningkatkan kemudahan pengguna atau peniaga untuk menggunakannya dengan lebih cekap dan cepat.
- 2) Menambah ciri-ciri tambahan dalam menghasilkan inovasi CurryPuff Maker PromaX. Ianya bertujuan untuk meningkatkan tahap penggunaan inovasi ini. Ciri yang ditambah ialah acuan kripap itu sendiri kepada kuantiti yang lebih banyak yang mana memberi impak yang besar kepada pengguna semasa menggunakannya.

### **B) Cadangan Pengkomersialan Projek Inovasi**

Aplikasi ini mempunyai ciri-ciri yang boleh dikomersialkan kepada pihak syarikat ataupun peniaga-peniaga kecil khususnya dalam pembuatan kripap yang menggunakan kaedah tradisional dalam membantu menyelesaikan permasalahan untuk menghasilkan kripap. CurryPuff Maker PromaX ini berpotensi untuk dikenali dalam pasaran kerana melalui inovasi yang dihasilkan, pengguna dapat memanfaatkan kelebihan yang ada pada projek ini seperti dapat menjimatkan masa dan tenaga bagi menghasilkan kuantiti kripap secara maksimum dalam satu-satu masa.

## **5.4 LIMITASI PROJEK**

Pengkaji juga menghadapi limitasi atau halangan dalam menjalankan kajian ini. Limitasi projek merupakan implikasi terhadap perkara yang ingin dikemukakan. Terdapat dua aspek yang boleh dijadikan asas dalam penulisan batasan kajian seperti berikut:

- Batasan masa adalah membataskan masa atau tempoh tertentu pada kajian untuk dijalankan. Pengkaji mempunyai masa yang terhad untuk bergerak ke lokasi yang diberitahu.
- Batasan lokasi kajian adalah membataskan pengkaji untuk bergerak ke lokasi tertentu bagi memudahkan penyelidikan, menjimatkan kos dan kajian tersebut lebih tertumpu. Kajian ini hanya membataskan kepada pengkaji dan pekerja Kedai Cucur Frozen Kak Su untuk memenuhi objektif kajian tersebut. Oleh itu, pengkaji hanya menggunakan soalan google form untuk disoal selidik yang membataskan perjumpaan bersemuka bersama pemilik kedai.

## **5.5 RUMUSAN**

Peralatan yang digunakan untuk menghasilkan alatan CurryPuff Maker PromaX adalah mesin gerudi skru, pemutar skru, penukul, skru dan kayu. Sebelum alatan CurryPuff Maker PromaX diwujudkan, pekerja memerlukan masa selama hampir 1 minit demi menghasilkan sebiji karipap dalam satu masa. Oleh itu, penghasilan karipap menjadi perlahan mengakibatkan permintaan lebih laju dari penghasilan. Keunikan alatan ini ialah ia dapat menjimatkan kos dan masa, ia juga memudahkan pekerja untuk menghasilkan banyak karipap dalam satu masa. Setiap projek yang dibangunkan mempunyai kepentingan dan objektifnya yang tersendiri, begitu juga alatan CurryPuff Maker PromaX kami. Walaupun pada awalnya terdapat kekurangan, pengkaji berjaya mencapai objektifnya. Berdasarkan kesimpulan yang telah dibuat, kita dapat melihat projek ini dapat diterima baik oleh pengurus dan ahli pekerjaanya. Hal ini kerana, keperluan mereka telah kami penuhi malah meringankan lagi beban mereka. Oleh itu, kami berharap projek ini dapat diteruskan agar dapat diterima oleh semua pekerja dan pengurus. Dengan ini, marilah bersama kita membantu untuk membangunkan ekonomi Malaysia dengan penghasilan inovasi yang lebih hebat.

## **RUJUKAN**

Razali, N. A., & Ibrahim, W. M. W. (2020). Pakej teknologi bagi pengeksporan durian sejuk beku dalam bentuk biji menggunakan kaedah pembekuan kriogenik. *Buletin Teknologi MARDI Bil*, 22, 157-167.

Che Jahari, N. H., & Radzuan, K. (2015). Keberkesanan pengurusan stok bahan binaan.

Hassan, H. Pemprosesan nuget ubi keledek sejuk beku

Buyong, R., & Ahmad, A. N. A. (2020). Amalan Pelaksanaan JIT Dalam Sistem Pengurusan Inventori Bagi Meningkatkan Kecekapan. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 337-345.



# LAMPIRAN 1 – GANTT CHART



GANTT CHART  
DPBS0163 BUSINESS PROJECT  
SESSION 1 2022/2023

DATE/WEEK																
	1.5/08-21/08	22/08-22/08	29/08-04/09	05/09-11/09	12/09-18/09	19/09-25/09	26/09-02/10	03/10-09/10	10/10-16/10	17/10-23/10	24/10-30/10	31/10-06/11	07/11-13/11	14/11-20/11	21/11-27/11	28/11-04/12
CONTENT	W1	W2	W3	W4	W5	W6	W7	W8	W9	W10	W11	W12	W13	W14		
<b>1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT</b>																
Introduction to types of project which can be implemented in the business field.	R					P				M				V	F	
Formation of groups	E					R				I				I	I	
Prepare the supplementary materials	G					O				D				V	N	
<b>2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING</b>	I					P								A	A	
Propose a suitable topic for the project	S					O				S					L	
Produce new innovation for business product/services	T					S				E				P		
Prepare elements of situational analysis	R					A				M				R	S	
<b>3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL</b>	A					L				E				E	U	
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project	T									S				S	B	
Explain the contents of project proposal	I									T				A	M	
Construct a Gantt chart (time frame)	O									E				N	I	
Apply the writing format	N									R				T	S	
<b>4.0 PROJECT IMPLEMENTATION</b>						P								A	S	
Accomplish Business Project within the time frame										B				T	I	
Describe the project over view	W					R				R				I	O	
Identify problems/ issues of business.	E					E				E				O	N	
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/5C's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.	E					S				A				N		
Recognize background and current business situation.	K					A				K						
Conduct data analysis and interpretation.						N										
Write recommendations and suggestions to address the issues.						T										
<b>5.0 BUSINESS PROJECT REPORT</b>						A										
Identify the requirements to produce a complete report						T										
Prepare a report based on the given business project format						I										
State the description of the project						O										
State the findings and results.						N										
Summarise the project results.																
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																
Create data visualisation to present the results																
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																
List the references used in producing the report.																
<b>6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION</b>																
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																
Demonstrate a capacity to communicate project result																
Create effective visual aids to enhance presentation																
Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids																
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																